

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) 5 jenis kanser yang paling kerap serta jumlah pesakit kanser di Malaysia
- b) anggaran kos rawatan setiap 5 jenis kanser tersebut bagi seorang pesakit (angka terbaru) dan bagaimanakah kejayaan rawatan pesakit kanser ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Laporan Kanser Kebangsaan Malaysia 2007-2011 yang diterbitkan baru-baru ini, bilangan kes kanser yang telah dilaporkan pada tahun tersebut adalah sebanyak 103,507. 5 jenis penyakit kanser yang kerap dihidapi oleh rakyat di Malaysia adalah kanser payudara, kanser usus besar, kanser paru-paru, limfoma dan kanser nasofarinks.

Berdasarkan Laporan Kanser Kebangsaan Malaysia 2007-2011, kanser payudara adalah kanser yang paling kerap berlaku di kalangan penduduk Malaysia tanpa mengira jantina. Sejumlah 18,343 kes kanser payudara telah didiagnosa pada tahun 2007 hingga tahun 2011 dan dilaporkan ke Registri Kanser Kebangsaan.

Manakala kanser usus besar mencatatkan bilangan kes kanser kedua tertinggi iaitu sebanyak 13,693. Kanser paru-paru mencatatkan bilangan kes sebanyak 10,608 dan merupakan kanser ketiga tertinggi di kalangan rakyat di Malaysia.

Limfoma mencatatkan bilangan kes kanser keempat tertinggi iaitu sebanyak 5,374. Kanser nasofarinks mencatatkan bilangan kes sebanyak 5,090 dan merupakan kanser kelima tertinggi di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengiraan kos untuk satu episod kemasukan pesakit di hospital boleh didapati melalui Sistem Casemix yang telah diimplementasi di 27 buah Hospital KKM. Analisa kos rawatan pesakit melalui Sistem Casemix ini adalah meliputi pesakit yang menerima rawatan penyakit kanser sahaja, penyakit kanser bersama penyakit lain atau penyakit kanser bersama pelbagai penyakit *comorbid*. Jenis rawatan yang diberikan bergantung sama ada rawatan secara pembedahan atau bukan pembedahan.

Bil.	Jenis Kanser	Jenis Rawatan	Anggaran Kos (RM)	
			Tanpa Komplikasi	Dengan Komplikasi
1.	Payudara	Pembedahan	5,800.00	10,300.00
		Kemoterapi / Radioterapi	5,100.00	10,300.00
2.	Kolorektal	Pembedahan	9,900.00	8,100.00
		Kemoterapi / Radioterapi	5,200.00	5,300.00
3.	Paru-paru	Pembedahan	5,100.00	10,800.00
		Kemoterapi / Radioterapi	5,100.00	7,700.00
4.	Lymphoma	Pembedahan	6,900.00	9,700.00
		Kemoterapi/ Radioterapi	6,800.00	9,700.00
5.	Nasofarinks	Pembedahan	8,500.00	11,600.00
		Kemoterapi / Radioterapi	8,500.00	10,500.00

Sumber: Unit Casemix, Bahagian Perkembangan Perubatan

Kerajaan sedar akan kos rawatan penyakit kanser yang besar jumlahnya. Selain ubat-ubatan radioterapi dan kemoterapi yang mahal, pesakit kanser turut dirawat dengan ubat rawatan penahan sakit akut. Pesakit juga datang ke hospital untuk rawatan komplikasi yang lain seperti penyakit hipertensi, diabetes mellitus, pneumonia, penyakit kulit, jangkitan sepsis dan sebagainya. Kos rawatan akan bertambah dengan pertambahan komplikasi iringan penyakit tersebut.

Kos rawatan juga dipengaruhi dengan bilangan hari pesakit tinggal di hospital, siasatan radiologi, rawatan fisioterapi dan paliatif, bilangan kitaran (*cycle*) rawatan radioterapi, brakiterapi serta rawatan pembedahan.

Kejayaan rawatan penyakit kanser bergantung kepada beberapa faktor.

Antaranya:

- 1) tahap (*staging*) permulaan pesakit didiagnosa
- 2) tarikh permulaan menerima rawatan
- 3) jenis sel kanser yang terlibat
- 4) lokasi barah pada tubuh pesakit
- 5) respons pesakit dan komplan terhadap rawatan yang diberikan